PERATURAN PERTANDINGAN

KEJOHANAN RAGBI PERLIS ROYAL 7’ S 2022

27-29 MEI 2022

PADANG B, KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA,

KANGAR PERLIS

KATEGORI :

LELAKI TERBUKA

BAWAH 23 LELAKI DAN WANITA

KEJOHANAN RAGBI PERLIS ROYAL 7s 2022

1. Undang-undang Permainan

1.1. Kejohanan ini akan berlangsung menurut Undang-undang Permainan Rugby Union Lembaga Ragbi Antarabangsa (IRB) variasi Bawah 19 & Terbuka Tahun terkini yang diterima pakai oleh Kesatuan Ragbi Malaysia.

2. Kelayakan Pemain

2.1. Kategori U23 Lelaki dan Wanita

2.1.1. Pemain-pemain hendaklah di bawah 23 tahun pada tahun pertandingan.

2.1.2. Hanya Kad Pengenalan sahaja yang diterima pakai sebagai bukti umur.

2.1.3. Pendaftaran terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pelajar bukan warganegara yang belajar di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia.

2.2. Kategori Terbuka Lelaki

2.2.1. Pemain-pemain hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun pertandingan.

2.2.2. Hanya Kad Pengenalan sahaja yang diterima pakai sebagai bukti umur.

2.2.3. Pendaftaran terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pelajar bukan warganegara yang belajar di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia.

3. Bilangan Pemain

3.1. Kategori U23 Lelaki & Wanita

3.1.1. Setiap pasukan boleh mendaftar 14 orang pemain termasuk simpanan dan 2 orang pegawai.

3.2 Kategori Terbuka Lelaki

3.1.2. Setiap pasukan hanya boleh mendaftar 12 orang pemain dan 2 orang pegawai.

4. Sistem Pertandingan

4.1. Pusingan Pertama

4.1.1. Kategori U23 Lelaki

4.1.1.1. Pasukan akan dibahagikan kepada **4 kumpulan yang mempunyai 3 pasukan** setiapnya dan akan dimainkan secara liga dalam kumpulan.

4.1.2. Kategori U23 Wanita

4.1.2.1 Pasukan akan dibahagikan kepada **2 kumpulan yang mempunyai 5 pasukan** setiapnya dan akan dimainkan secara liga dalam kumpulan.

4.1.3. Kategori Terbuka Lelaki

4.1.3.1. Pasukan akan dibahagikan kepada **4 kumpulan yang mempunyai 3 pasukan** setiapnya dan akan dimainkan secara liga dalam kumpulan.

4.2. Pusingan Kedua

4.2.1. Kategori U23 Lelaki & Terbuka Lelaki

4.2.1.1. Pasukan-pasukan yang menjadi Johan dan Naib johan bagi setiap kumpulan akan bertanding diperingkat Suku Akhir Cup/Plate.

4.2.1.2. Pasukan yang berada pada kedudukan ketiga bagi setiap kumpulan akan bertanding diperingkat Separuh Akhir Bowl.

4.2.1.3. Pasukan yang menang diperingkat Suku Akhir Cup akan bertanding diperingkat Separuh Akhir Cup manakala pasukan yang kalah akan bertanding diperingkat Separuh Akhir Plate

4.2.1.4. Pada peringkat Separuh Akhir, permainan akan dimainkan secara kalah mati. Pasukan yang menang akan bermain diperingkat Akhir bagi kategori masing-masing iaitu Cup, Plate dan Bowl.

4.2.2. Kategori U23 Wanita

4.2.2.1 Pasukan-pasukan yang menjadi Johan dan Naib Johan bagi setiap kumpulan akan bertanding diperingkat Separuh Akhir Cup manakala pasukan-pasukan yang berada pada kedudukan Ketiga dan Keempat akan bertanding diperingkat Separuh Akhir Plate.

4.2.2.2 Permainan akan dimainkan secara kalah mati pada peringkat Separuh Akhir Cup dan Plate bagi kategori ini.

4.2.2.3 Pasukan-pasukan yang berada pada kedudukan Kelima bagi setiap kumpulan akan bermain diperingkat Akhir Bowl.

5. Cara Menentukan Keputusan

5.1. Pertandingan dalam liga, mata berikut akan diberikan :

5.1.1. Menang – 3 mata

5.1.2. Seri – 1 mata

5.1.3. Kalah – 0 mata

5.2. Jika dua atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut sistem berikut :

5.2.1. Pasukan yang mendapat lebih perbezaan skor (skor – kena = beza skor) dikira pemenang.

5.2.2. Jika masih seri, pasukan yang mendapat jumlah skor terbanyak dikira pemenang.

5.2.3. Jika masih seri, pasukan yang mendapat *'try'* (5 mata) yang terbanyak dikira pemenang.

5.2.4. Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira pemenang.

5.2.5. Jika masih seri, maka pasukan yang mendapat pungutan :
Gol Penalti, Drop Gol, dan Conversion terbanyak akan diambil kira.

5.2.6. Jika masih seri juga, lambungan syiling tiga kali akan dijalankan.

5.3. Dalam pertandingan secara kalah mati, jika berlaku seri selepas tamat sesuatu perlawanan, langkah-langkah berikut akan digunakan untuk menentukan pemenang :

5.3.1. Masa tambahan 5 minit sehala diberikan secara '*sudden-death try*'.

5.3.2. Jika masih seri, sepakan penalti secara *'sudden-death'* diadakan pada garisan 22 meter (maksima 3 sepakan)

5.3.3. Jika masih seri, lambungan syiling sebanyak tiga kali akan dijalankan.

5.4. Cara mengambil Sepakan Penalti

5.4.1. Pasukan-pasukan akan mengambil sepakan penalti mengikut giliran selang-seli pada garisan 22 meter.

5.4.2. Hanya pemain-pemain yang bermain dan berada dalam padang pada tambahan masa dibenarkan mengambil sepakan.

5.5. Perlawanan akhir

5.5.1. Dalam perlawanan akhir, jika berlaku kedudukan seri, tambahan masa 5 minit sehala diberikan.

5.5.2. Jika masih seri, 3 sepakan penalti secara *'sudden-death'* diadakan pada garisan 22 meter.

5.5.3. Jika masih seri, pasukan yang membuat *'try'* terdahulu akan dikira sebagai pemenang.

5.5.4. Jika masih seri, lambungan syiling secara *'best of three'* akan diadakan.

6. Masa Perlawanan

6.1. Masa untuk perlawanan bagi pertandingan ini ialah **7-2-7** minit bagi semua kategori termasuk perlawanan Akhir

6.2. Jika sesuatu perlawanan terpaksa dihentikan kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan dan perlawanan itu telahpun dijalankan melebihi 6 minit, maka keputusan pada masa perlawanan itu diberhentikan diambil kira.

7. Pakaian

7.1. Peraturan pakaian adalah seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Permainan Ragbi Union Lembaga Ragbi Antarabangsa *(IRB).*

8. Gelanggang Permainan

8.1. Gelanggang permainan mengikut spesifikasi dan ukuran gelanggang yang telah ditetapkan dalam Undang-Undang Permainan Ragbi Union Lembaga Ragbi Antarabangsa *(IRB).*

9. Alatan

9.1. Bola pertandingan saiz lima (5) digunakan untuk kejohanan melibatkan pertandingan U23 Lelaki & Wanita dan Terbuka Lelaki. Spesifikasi bola ialah menurut peraturan dalam Undang-Undang Permainan Ragbi Union Lembaga Ragbi Antarabangsa *(IRB).*

10. Pertukaran Pemain

10.1. Pemain boleh digantikan pada bila-bila masa dalam setiap perlawanan (rolling substitution) melalui Pembantu Pengadil. Tiada had untuk pertukaran pemain.

11. Hantar Keluar Padang

11.1. Kad Merah

Pemain atau pemain-pemain yang dikenakan hukuman Kad Merah dan dihantar keluar padang oleh pengadil tidak dibenarkan bermain dalam keseluruhan Kejohanan.

11.2. Kad Kuning

Pemain atau pemain-pemain yang dikenakan hukuman Kad Kuning akan dikenakan tempoh tahanan bermain selama 2 minit *(sin bin).*

12. Masa Melapor

12.1. Semua pasukan mesti bersedia 10 minit sebelum masa perlawanan.

12.2. Semua pengurus pasukan dikehendaki menghantar senarai nama pemain 10 minit sebelum sesuatu perlawanan bermula kepada pegawai pertandingan.

12.3. Setiap pasukan mesti mengandungi sekurang-kurangnya 5 orang pemain untuk memulakan perlawanan. Jika tidak kemenangan percuma akan diberikan kepada pihak lawan dengan skor 21 - 0.

12.4. Jika kedua-dua pasukan tidak melaporkan diri kepada pengadil 5 minit selepas masa yang ditentukan, perlawanan akan dibatalkan.

13. Bantahan

13.1. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengelola Pertandingan dalam masa 30 minit selepas tamat perlawanan berkenaan.

13.2. Bermain di bawah bantahan dibenarkan. Jika bantahan itu berjaya, keputusan kemenangan ialah 21 - 0 diberi kepada pihak yang membuat bantahan.

13.3. Setiap bantahan mestilah disertakan dengan wang tunai RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus) dan wang tidak akan dikembalikan dalam apa-apa jua keputusan dibuat

14. Lembaga Rayuan & Lembaga Tatatertib

14.1. Semua bantahan, rayuan dan kes disiplin (Kad merah) akan diputuskan oleh Lembaga Rayuan dan Disiplin yang terdiri daripada :

14.1.1. Pengerusi Pengelola atau wakilnya sebagai Pengerusi

14.1.2. Setiausaha Pengelola atau wakilnya sebagai Setiausaha

14.1.3. Pengarah kejohanan atau wakilnya

14.1.4. Pengurus Pasukan yang berdaftar dan tidak terlibat dalam Jawatankuasa Bantahan.

15. Pengadil

15.1. Hanya pengadil yang bertauliah atau berpengalaman yang dilantik melalui cadangan Lembaga Pengadil Malaysia Ragbi untuk bertugas sebagai pengadil.

16. **PEMATUHAN SOP PENCEGAHAN COVID 19.**

16.1 Pemakaian pelitup muka adalah **DIGALAKKAN** kepada semua pemain / pegawai semasa pertandingan berlangsung.

16.2 Pematuhan SOP adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

17. Penalti

17.1 Jawatankuasa Pengelola berhak mengenakan penalti kepada pasukan-pasukan yang melanggar peraturan-peraturan yang telah disabitkan.

18. **Pentafsiran Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Kejohanan**

18.1 Jawatankuasa Pengelola berhak menentukan penyertaan sekolah-sekolah dari negeri dan jumlahnya di dalam sesuatu situasi dimana kurangnya penyertaan sekolah.

18.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsir segala perkara yang tidak disiarkan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan kejohanan ini dan keputusannya adalah muktamad.

.